

DBKL gempur empat pusat urut tawar seks

Kuala Lumpur: Guna papan tanda premis urut tubuh untuk menawarkan khidmat pelacuran.

Itu antara taktik 'klise' digunakan pengusaha dan sindiket pelacuran bagi mengaburi kegiatan daripada tindakan penguatkuasaan.

Terbaharu empat rumah urut sekitar Kepong di sini, digempur Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam, selepas didapati terbabit dalam aktiviti persundalan.

DBKL berkata, operasi itu dijalankan susulan risikan pihaknya sejak lima hari lalu.

"Semua premis berkenaan dikenakan tindakan tutup serta-merta dan bawakan perniagaan disita," katanya, semalam.

DBKL berkata, empat notis di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan perindustrian (WPKL) 2016 dikeluarkan atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen sah.

"Selain itu, sebanyak 57

struktur sekatan yang dibina tanpa kelulusan di dalam empat premis itu turut dirobohkan mengikut Seksyen 79(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat laman sesawang Adu@KL di pautan <http://adukl.dbkl.gov.my>," katanya.